



جمعية العلماء ومدرسي الدين الإسلامي بسنغافورة

PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)  
SINGAPORE ISLAMIC SCHOLARS & RELIGIOUS TEACHERS ASSOCIATION

**PERGAS**

## **KENYATAAN MEDIA**

3 Oktober 2014

### **PANDUAN AGAMA BAGI TINDAKAN KEGANASAN DAN PELAMPAUAN**

Sebarang tindakan pelampauan yang berbentuk keganasan oleh mana-mana pihak tidak kira ke atas umat Islam atau sesiapaupun merupakan satu perbuatan yang tidak wajar disokong dan perlu ditolak oleh sekalian umat Islam.

2 Kenyataan ini juga bertujuan untuk menyatakan keprihatinan Pergas akan perkembangan yang membimbangkan pada masa ini, selain sekaligus memberi panduan kepada masyarakat Islam Singapura agar berhati-hati dan tidak terpengaruh dengan dakwah IS.

#### **Latar Belakang Ringkas IS**

3 IS merupakan singkatan dari istilah nama Islamic State. IS ini bertitik tolak dari awal pencerobohan Amerika di Iraq di mana sebuah jemaah telah ditubuhkan oleh Abu Mus'ab Al-Zarqawy. Jemaah ini kemudian memberi bai'ah (sokongan) kepada Osama bin Laden dan dikenali sebagai 'Al-Qaeda in Iraq'. Ia kemudian menukar namanya kepada 'Islamic State in Iraq' atau ISI. Namun pada April 2013, ia mengisytiharkan untuk meluaskan aktivitinya kepada Syria dan sejak dari itu ISIS (Islamic State of Iraq and Syria) telah dibentuk. Setelah itu, ia mengisytiharkan nama barunya sebagai 'Islamic State', tanda tumpuannya tidak lagi terhad kepada Iraq dan Syria.

4 Tujuan jangka pendek IS ini adalah pembentukan khilafah Islamiah, manakala tujuan jangka panjang mereka adalah pembentukan pemerintahan Islam di seluruh negara di bawah naungan pemerintahan yang satu. IS memandang kuasa besar dan kaum Syiah sebagai ancaman kepada Pemerintahan Islam lalu menyeru berjuang menentang ancaman tersebut.

### **Pandangan Ulama Sedunia Tentang IS**

5 Ulama sedunia telah menolak dan menentang IS. Merujuk kepada senarai terkini, seramai 126 ulama serta para akademik Islam telah menolak IS. Mufti besar Mesir, Sheikh Shawqi Abdel-Karim Allam contohnya menyatakan bahawa puak ini adalah jauh dari ajaran Islam yang sebenar. Sheikhul Azhar, Dr Mohamed Ahmed El-Tayyib pula menyifatkan tindakan IS sebagai mencemarkan nama agama dan masyarakat Islam. Pandangan yang sama juga didapati dari kalangan ramai ulama Al-Azhar. Di antaranya menyatakan bahawa IS merupakan organisasi pengganas.

6 Selain itu, Sheikh Yusuf Al-Qaradawi juga menolak IS dengan menyatakan bahawa pengisytiharan khilafah Islamiah oleh mereka adalah batal serta tidak sah dari segi syarak. Kenyataan Kesatuan Antarabangsa Ulama Islam yang berpangkalan di Qatar yang ditanda tangani oleh Sheikh Al-Qaradawi menjelaskan bahawa khilafah tidak tersabit dari sudut syarak mahupun akal tanpa persetujuan umat Islam ataupun persetujuan dari Ahli al-Hil wa al-'Aqd yang terdiri dari para ulama, para pemimpin dan kesatuan-kesatuan Islam. Beberapa ulama lain seperti Sheikh Hamza Yusuf, Dr Yasir Qadhi dan Sheikh Salih Al-Suhaymi menggolongkan IS sebagai puak 'Khawarij' baru iaitu istilah yang merujuk kepada kumpulan pengganas yang membunuh orang yang tidak berdosa.

### **Pandangan Pergas**

7 Selaku badan ulama dan guru-guru agama Islam di sini, Pergas amat prihatin dengan perkembangan ini.

8 Pergas berpendapat bahawa IS dan mana-mana puak yang berfahaman radikal, menumpahkan darah orang Islam dan mengambil nyawa mereka yang tidak

bersalah sebagai tindakan yang bertentangan dan langsung tidak mempunyai kaitan dengan ajaran Islam. Ajaran Islam yang sebenarnya mengajak kepada keadilan, kedamaian, kebebasan beragama, melindungi golongan yang lemah dan menyebarkan kebaikan. Tindakan mereka perlu dikecam dan masyarakat Islam tidak sewajarnya menyokong perjuangan ataupun bersimpati dengan IS.

9 Perjuangan IS ini bukan sahaja tidak selari dengan Islam, tetapi juga amat hampir dengan amaran Rasulullah s.a.w. mengenai tanda-tanda kemunculan golongan pelampau di akhir zaman. Golongan ini terdiri dari kalangan orang muda yang bersemangat dan mengajak kepada syariat Allah serta bijak berbicara. Mereka membaca dan berhujjah dengan Al-Quran, namun mereka tidak memahami kandungan Al-Quran dan Hadis. Amaran ini terkandung pada hadis berikut:

يأتي في آخر الزمان قوم حدثاء الأسنان سفهاء الأحلام يقولون من خير قول البرية يمرقون من الإسلام كما يمرق السهم  
من الرمية لا يجاوز إيمانهم حناجرهم

Maksudnya: “Akan datang di akhir zaman sebuah kaum yang muda usianya, mempunyai cita-cita yang bodoh, mereka berkata dengan sebaik-baik kata (Al-Quran dan Hadis), mereka keluar dari agama Islam sebagaimana meluncurnya anak panah daripada busurnya, keimanan mereka tidak melepasi kerongkong mereka.”  
[Sahih Bukhari]

10 Dalam pada itu, Pergas ingin menegaskan bahawa ia menentang segala bentuk kezaliman dan penindasan daripada pihak atau agama mana pun. Setiap pihak perlu memikirkan dan bermuhasabah akan sebab utama berlakunya penyebaran keganasan.

11 Segala tindakan keganasan mendorong keganasan, dan setiap kezaliman melahirkan kezaliman. Isu keganasan di Iraq, Syria, Palestin, Myanmar dan manapun tidak akan selesai sekiranya wujud kezaliman, diskriminasi, korupsi dan penindasan.

12 Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Dr Robert Anthony Pape, pensyarah Sains Politik dan Pengasas Chicago Project on Security and Terrorism (CPOST), Universiti Chicago menyatakan bahawa hanya segelintir dari serangan keganasan didorong oleh kefahaman agama semata, bahkan beliau menambah bahawa sebab utama berlakunya keganasan adalah kerana tindakan militari dari pihak-pihak tertentu.

13 Justeru itu, Pergas berpandangan bahawa isu IS dan keganasan lain tidak akan selesai dengan tindakan ketenteraan pihak-pihak tertentu bagi membasmi IS dan sebagainya, selagi mana isu pokok seperti kezaliman dan ketidakadilan yang membawa kepada radikalisation dan tindakan keganasan ini tidak ditangani, maka selagi itulah kumpulan-kumpulan pengganasan seperti IS akan wujud dan bersilih ganti.

14 Di samping itu, Pergas menggesa umat Islam agar berpegang teguh dengan nilai-nilai terpuji ajaran Islam, dan menolak segala bentuk tindakan ekstremis dan kezaliman yang bukan berasal dari ajaran agama.

### **Panduan Buat Media Tempatan dan Umat Islam Singapura**

15 Pergas juga menyeru agar media tempatan tidak merujuk IS ini dengan nama penuh mereka iaitu 'Islamic State', atau menamakan mereka sebagai golongan Sunni, kerana jelas dakwah dan pemahaman ideologi mereka tidak memaparkan nilai keislaman atau berlandaskan ajaran sebenar Quran dan Sunnah Rasulullah seperti mana yang dituntut agama.

16 Dalam masa yang sama, Pergas juga ingin meminta menyeru media tempatan untuk mengambil sikap yang lebih seimbang dengan melaporkan juga bahawa hampir seluruh masyarakat Islam menolak dan tidak bersetuju dengan IS atau sebarang tindakan keganasan.

17 Dalam menghadapi gejala ini, Pergas juga menyeru agar masyarakat Islam Singapura memperkasakan diri dengan mendalami ajaran Islam daripada asatizah yang bertauliah. Masyarakat Islam juga dinasihati untuk mendapatkan pandangan dari para asatizah sekiranya menghadapi kekeliruan dalam menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan agama.

## **PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)**